

Jangan 'simpan' pesakit mental

70 peratus pesakit mental di seluruh dunia tidak mendapat rawatan

Oleh **NORHASPIDA YATIM**
KUALA NERUS

Sebahagian individu yang berkelakuan di luar batasan manusia normal dengan bertindak menghinakan agama kemungkinan dipengaruhi oleh gangguan mental.

Pakar Psikiatri, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Rozanizam Zakaria berkata, ia berdasarkan kes-kes yang dikendalikan dan menunjukkan perlakuan individu berkenaan.

Namun, katanya, tidak semua individu yang bertindak se-

begitu tergolong dalam kalangan pesakit mental.

"Kita tidak nafikan sebahagian individu yang melakukan perbuatan di luar perilaku normal manusia, mereka mungkin mempunyai masalah kesihatan mental.

"Apabila seseorang itu ada gangguan mental, ia boleh mempengaruhi cara berfikir, emosi dan tindakan. Misalnya, ada sesetengah pesakit mental menyebabkan individu itu datang kepercayaan di mana kita yang normal tahu kepercayaan itu tidak benar seperti meyakini dia adalah Imam Mahadi, Nabi dan Tuhan," katanya ketika ditemui selepas Seminar Psikologi Kesihatan (Psyche 1.0) Hentikan Buli, di sini, baru-baru ini.

Jelas Dr Rozanizam, individu terdekat terutama keluarga memainkan peranan untuk membawa pesakit berkenaan mendapatkan rawatan sekiranya mengesan perubahan sikap pada individu tersebut.

"Penting kepada ahli keluarga merujuk untuk membuat penilaian lanjut jika berlaku perubahan pada cara dan perilaku mereka sehingga percakapan dan pertuturan mereka nampak di luar rasional.

"Pertama, mungkin mereka alami isu kesihatan mental, kedua, mungkin terlibat penyalahgunaan dadah kerana ia juga boleh beri kesan kepada otak manusia menyebabkan berlaku tindakan yang sedemikian.

"Namun, tidak semua individu yang melakukan perbuatan itu ada gangguan mental. Apabila mereka melakukan kesalahan dari sudut undang-undang, pesakit perlu dirujuk dan dibawa untuk penilaian supaya kita tahu apa punca sebenarnya," ujar beliau.



DR ROZANIZAM

hidup bersama pesakit yang dihidupi yang dikhuatiri turut membahayakan diri sendiri serta individu lain.

"Jadi, jangan 'simpan' pesakit mental di rumah. Bawa mereka untuk dapatkan rawatan.

"Pesakit seperti ini tergolong dalam halusinasi atau skizofrenia. Ia mengacau rasional pesakit sehingga bertindak di luar kawalan.

Jika ada yang berlatar belakang agama, simptom yang di-

Tegas beliau, pesakit mental berisiko bertindak ganas dan membahayakan diri individu lain jika dibiarkan tanpa rawatan.

"Dianggarkan sekitar 70 peratus daripada pesakit mental di seluruh dunia tidak mendapatkan rawatan menyebabkan mereka berterusan

alami mungkin ada elemen agama.

"Jika lebih kepada elemen ganas, mereka akan bertindak ganas. Kita tidak boleh pilih simptom yang bagaimana apabila terkena penyakit itu. Apapun, penyakit ini boleh dirawat sama ada melalui terapi atau ubat," katanya.

Menurut Dr Rozanizam, antara kaedah bagi menangani masalah pesakit tidak mendapatkan rawatan ialah dengan meningkatkan pengetahuan masyarakat, meningkatkan akses dan menambah golongan profesional seperti pakar psikologi, psikiatri atau kaunselor.

"Walaupun tahu, ada stigma mereka mungkin malu atau segan untuk ke hadapan.

"Isu akses juga menjadi punca misalnya duduk di pedalaman, mungkin keluarga tiada kemampuan kewangan kerana rawatan psikiatri ini berulang," katanya simptom pesakit mental adalah pelbagai.